

CNS0752

U GB 28-03 00139 BA778

Aab

Mahathir - Pengalaman

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) — Kerajaan sedang mengkaji untuk mengambil kira aspek pengalaman dan prestasi dalam menentukan pengambilan baru, kenaikan pangkat dan penetapan gaji dalam perkhidmatan awam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kajian itu sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Pendidikan British 1991 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Dalam ucapannya sebelum itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata sudah tiba masanya penghargaan kepada ijazah dan penghormatan yang tinggi yang diberikan kepada pemegangnya dinilai semula dalam penentuan jawatan, taraf dan gaji.

Penghargaan yang tinggi juga harus diberi kepada pengalaman serta prestasi, katanya sambil menegaskan bahawa kadang kala pengalaman harus dinilai lebih tinggi daripada ijazah. — Lagi.

♥28/03/14-24MST

CNS0761

R GB 28-03 00110 BA781

Aab

Mahathir - Pengalaman 2 Kuala Lumpur

Katanya, dalam hal itu penekanan hendaklah diberi kepada bidang-bidang khusus yang berkait rapat dengan bidang tugas seseorang.

Menurutnya, kerajaan akan menentukan pendiriannya berhubung perkara itu supaya ia boleh menjadi contoh kepada pihak-pihak lain.

Di Malaysia, katanya, nilai yang tinggi diberi kepada ijazah sehingga pada pendapat umum sesiapa yang memiliki ijazah mampu membuat apa sahaja.

+Mereka dianggap mampu menjadi pentadbir atau pengurus. Ini tidak semestinya benar,+ tambahnya.

Beliau berkata pemegang ijazah belum boleh dikatakan berkebolehan melainkan setelah mereka mempunyai pengalaman yang cukup dan ijazah mereka sesuai dengan tugas mereka. -- Lagi.

♥28/03/14-33MST

CNS0782

U GB 28-03 00118 BA787

Aab

Mahathir - Pengalaman 3 Kuala Lumpur

Mengenai peluang belajar di dalam negara, Perdana Menteri berkata kekurangan tempat di institusi pengajian tinggi negara bukan disengajakan.

Menurutnya, kesukaran mendapatkan tenaga pengajar yang berkebolehan merupakan faktor utama kerajaan tidak dapat mengadakan tempat yang mencukupi bagi mereka yang ingin meneruskan pelajaran dalam negara.

Di samping itu, penubuhan institusi pengajian oleh kerajaan juga memerlukan perbelanjaan besar, katanya.

Bagi mengatasi perkara itu, kerajaan membenarkan kursus-kursus tahun pertama dan kedua universiti-universiti asing diadakan di dalam negara melalui kerjasama dengan universiti tempatan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan juga sedang menimbang kemungkinan universiti asing mendirikan cawangan milik mereka di Malaysia. — Lagi.

♥28/03/14-57MST

CNS0789

U GB 28-03 00151 BA788

Aab

Mahathir - Pengalaman 4 Kuala Lumpur

Kepada ibu bapa yang mungkin beranggapan mereka tidak bernasib baik kerana tidak berpeluang memasukkan anak mereka ke institusi tempatan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sebenarnya mereka (ibu bapa) amat bernasib baik kerana pendapatan mereka di Malaysia yang maju ini mencukupi untuk menanggung perbelanjaan yang diperlukan.

Katanya, banyak negara membangun lain menegah penghantaran pelajar ke luar negeri untuk menyelamatkan tukaran asing atau sebab lain.

+Malaysia tidak ada sekatan terhadap pelajar yang ingin belajar di luar negeri, walaupun ia menyebabkan lebih \$1,000 juta mengalir keluar setiap tahun,+ katanya.

Beliau juga menegaskan tentang perlunya rakyat di negara ini memiliki tahap pengetahuan yang sama dengan rakyat di negara maju untuk mencapai matlamat kemajuan tahun 2020.

+Tidak mungkin Malaysia menjadi sebuah negara maju jika penduduknya tidak berpelajaran tinggi dan mempunyai pengetahuan yang cetek,+ katanya.  
— Lagi.

♥28/03/15-04MST

CNS0000

U GB 28-03 00179 BA801

Aab

Mahathir - Pengalaman 5 Kuala Lumpur

Beliau juga menegaskan pentingnya penguasaan bahasa Inggeris, kerana menurutnya, ia banyak digunakan dalam perhubungan antarabangsa sehingga dalam perjanjian antara negara yang bahasa kebangsaannya bukan bahasa Inggeris, teks dalam bahasa Inggeris diterima sebagai teks yang sah bagi maksud perjanjian.

Katanya, Malaysia bernasib baik kerana bahasa Inggeris bukanlah asing kepada penduduknya, berbanding dengan negara yang dahulunya dijajah oleh bukan Inggeris dan dipaksa menerima bahasa penjajah yang didapati tidak begitu berguna sekarang.

Dasar menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua bukanlah berasaskan kepada sentimen atau ikatan sejarah, tetapi kerana bahasa Inggeris adalah bahasa antarabangsa, kata beliau dan menambah kata faktor sejarah adalah kebetulan sahaja.

Katanya, mereka yang meringan-ringankan penguasaan bahasa kedua tidak boleh menganggap diri mereka sebagai juara bangsa atau nasionalis, kerana menurutnya, yang sepatutnya dianggap sebagai juara bangsa ialah mereka yang boleh membantu menjayakan bangsa.

Tambahnya, penguasaan bahasa tersebut akan membuka pintu kepada hampir semua ilmu lama dan baru kerana kebanyakan ilmu baru dan lama telah dialihbahasakan kepada bahasa Inggeris. — Lagi.

♥28/03/15-54MST

CNS0840

U GB 28-03 00225 BA802

Aab

Mahathir - Pengalaman 6 Kuala Lumpur

Semasa menjawab pertanyaan pemberita kemudian, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, orang Jepun sendiri menggunakan bahasa Inggeris untuk mempelajari ilmu yang tidak diterokai oleh orang Jepun sendiri sebelum dialihbahasa kepada bahasa Jepun.

+Bukan semua ilmu yang digunakan oleh orang Jepun berasal dari negara Jepun... kebanyakannya dipinjam dari negara lain,+ katanya.

Menurutnya, pada masa ini, hampir semua pengurus dalam syarikat Jepun dikehendaki memahami bahasa Inggeris untuk perdagangan di luar negara.

Mengenai pelajar Melayu di luar bandar, beliau berkata kerajaan akan memberi tumpuan khas kepada mereka kerana menyedari mereka kurang bercampur dengan kumpulan lain yang boleh memberi peluang menggunakan bahasa Inggeris.

+Kita tidak akan mewajibkan bahasa Inggeris pada peperiksaan sehingga kita yakin penuntut mendapat peluang yang sama untuk menguasainya,+ katanya.

Beliau juga menyifatkan langkah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan yang mewajibkan pelajar bertutur bahasa Inggeris pada setiap hari Rabu sebagai usaha baik dan boleh dicontohi oleh negeri lain.

Amalan membaca tanpa berlatih bertutur tidak mencukupi untuk menguasai bahasa Inggeris, tambahnya.

Lebih 100 insititusi pengajian British menyertai pameran itu yang dianggap terbesar pernah diadakan di luar Britain.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pesuruhjaya-Tinggi British Sir Nicholas Spreckley, Menteri Pendidikan Datuk Dr Sulaiman Daud dan Pengarah British Council di sini Dr Gareth Howell. -- Bernama.

♥28/03/15-57MST